

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 12 Julai 2024



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA MEI 2024

---

### **Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 20.1 peratus pada Mei 2024**

PUTRAJAYA, 12 Julai 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Mei 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 20.1 peratus pada Mei 2024 (25,608 tan metrik) berbanding pada April 2024 (21,325 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 6.1 peratus (Mei 2023: 24,126 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Mei 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (88.2%) berbanding sektor estet (11.8%).

Jumlah stok getah asli pada Mei 2024 menurun 16.9 peratus kepada 175,368 tan metrik berbanding 211,119 tan metrik pada April 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 91.4 peratus diikuti kilang pengguna getah (8.5%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 50,796 tan metrik pada Mei 2024, meningkat 6.3 peratus berbanding April 2024 (47,795 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 39.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mei 2024 diikuti India (10.6%), Jerman (9.4%), Emiriah Arab Bersatu (6.5%) dan Amerika Syarikat (4.6%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.25 billion pada Mei 2024, meningkat 14.1 peratus berbanding April 2024 (RM1.09 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 1.2 peratus (Mei 2024: 742.36 sen sekilogram; April 2024: 733.58 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 2.7 peratus (Mei 2024: 657.16 sen sekilogram; April 2024: 639.62 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 1.2 peratus hingga 3.2 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 3.9 peratus (daripada USD 1.63/kg kepada USD1.69/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 5.4 peratus (daripada USD2.28/kg kepada USD2.15/kg).


Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Mei 2024, pasaran getah Kuala Lumpur bermula dengan peningkatan G.M.M 20 melonjak pada tahap tertinggi baharu iaitu pada 840.00 sen/kg, tertinggi sejak April 2017 sebelum berkurangan menjelang penghujung bulan. Secara amnya, sentimen pasaran dirangsang oleh saranan tegas dalam pasaran hadapan getah serantau di tengah kebimbangan bekalan bahan mentah global yang terhad di kebanyakan negara pengeluar utama berikutan cuaca hujan lebat. Sentimen pasaran juga disokong oleh jualan kereta yang kukuh serta langkah rangsangan terkini yang diumumkan bagi meningkatkan ekonomi China.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Mei 2023, April - Mei 2024**  
(‘000 tan metrik)




**Pengeluaran**



**Penggunaan Domestik**

**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Mei 2023, April - Mei 2024**  
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**12 JULAI 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 12<sup>th</sup> July 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA**  
**MAY 2024**

---

**Malaysia natural rubber production**  
**increased by 20.1 per cent in May 2024**

PUTRAJAYA, 12 July 2024 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, May 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 20.1 per cent in May 2024 (25,608 tonnes) as compared to April 2024 (21,325 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 6.1 per cent (May 2023: 24,126 tonnes). Production of NR in May 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (88.2%) as compared to estates sector (11.8%).

Total stocks of NR in May 2024 decreased by 16.9 per cent to 175,368 tonnes as compared to 211,119 tonnes in April 2024. Rubber processors factory contributed 91.4 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (8.5%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 50,796 tonnes in May 2024, increased 6.3 per cent as against April 2024 (47,795 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 39.2 per cent of total exports in May 2024 followed by India (10.6%), Germany (9.4%), the United Arab Emirates (6.5%) and

*the United States of America (4.6%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.25 billion in May 2024, an increase of 14.1 per cent as compared to April 2024 (RM1.09 billion).*

*Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 1.2 per cent (May 2024: 742.36 sen per kg; April 2024: 733.58 sen per kg) while Scrap increased by 2.7 per cent (May 2024: 657.16 sen per kg; April 2024: 639.62 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 1.2 per cent to 3.2 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 3.9 per cent (from USD1.63/kg to USD1.69/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 5.4 per cent (from USD2.28/kg to USD2.15/kg).*


*According to the Malaysia Rubber Board Digest published in May 2024, the Kuala Lumpur rubber market started with a bullish tone with SMR 20 surging to a new high at 840.00 sen/kg, the highest since April 2017 before fluctuating towards month end. Generally, the market sentiment was boosted by firmer advice in regional rubber futures markets amid concerns over tight global raw materials supply in major producing countries due to heavy rains. The market sentiment was also supported by China's strong car sales and the latest stimulus measures announced to shore up the economy.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.*

**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber May 2023, April - May 2024**  
(‘000 tonnes)



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber May 2023, April - May 2024**  
(‘000 tonnes)



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
12 JULY 2024**